

Mahathir seru usahawan Melayu tiru konsep Jepun

U.M. 15 AUG 1989

KUALA LUMPUR 14 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Muhammad hari ini meminta para usahawan, saintis dan teknologis Malaysia mengambil konsep Jepun iaitu meniru barang buatan negara lain kerana ia adalah cara yang paling berkesan dan mudah dalam proses pemindahan teknologi.

Menurut Perdana Menteri, cara yang dikenali sebagai *reverse engineering* itu boleh memberi kejayaan yang lebih cepat kerana rakyat Malaysia telah terbukti memiliki kelok pembelajaran yang tinggi.

Malah, katanya, inilah pendekatan yang digunakan oleh banyak negara yang sekarang telah bejaya.

"Kita mungkin gagal pada peringkat awal tetapi, jika kita tekun, Insya-Allah, kita akan memperolehi hasil dari proses ini."

"Kita juga tidak harus malu dengan meniru barang buatan orang lain kerana kaedah itu telah digtmakan oleh negara-negara maju yang suatu ketika dahulu seperti kita juga, malah kelebihan kita ialah kelok pembelajaran atau *learning curve* kita memang tinggi," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir ketika berucap di majlis pelancaran Minggu Sains dan Teknologi Kebangsaan 1989 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, institusi penyelidikan, usahawan dan pencipta hendaklah mempunyai bahagian

bahagian yang khusus untuk membuat barang tiruan ini untuk mengubahsuainya menjadi barang ciptaan keluaran negara.

Kata beliau jika para usahawan dan teknologis tahu akan cara-cara barang ini diproses, Malaysia mungkin dapat mengeluarkannya kembali dalam bentuk baru yang lebih baik.

Beliau menambah, kesempatan ini perlu diambil kerana negara mempunyai kelebihan dari segi kos tenaga kerja yang rendah.

Ujar beliau, ini akan mewujudkan suasana baru dalam perkembangan dan persaingan dunia perindustrian.

"Dalam pada itu, kita perlu ingat bahawa orientasi penggunaan sains dan teknologi mestilah bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti negara.

"Hanya dalam bidang sains dan teknologi gunaan sahaja kita akan memperolehi pencapaian yang baik dalam ciptaan - ciptaan bar-u yang boleh dipasarkan," tegas Perdana Menteri.

Sementara itu ketika menjawab soalan para pemberita selepas majlis pelancaran tersebut, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, soal hakcipta bukan penghalang kepada saranannya itu.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau bukannya meminta para teknologis meniru keluaran asing sepenuhnya tetapi meniru untuk menghasilkan suatu barangan yang lebih baik dan bermutu dari barangan asal seperti yang telah dilakukan oleh Jepun.

"Kita boleh mengambil contoh beberapa bahagian dari sesuatu barangan itu dan menghasilkannya dalam bentuk yang lebih baik.

"Soal hakcipta adalah soal lain kerana kita bukan hendak meniru seratus-peratus malah proses ini telah dilakukan oleh kesemua negara lain di dunia samalah seperti kereta nasional kita yang pada zahimya tidak ubah seperti kereta-kereta lain tetapi mempunyai identiti sendiri," katanya.